



**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

**SEMPENA**

**MAJLIS MESRA RAKYAT DAN SAMBUTAN HARI RAYA WILAYAH  
KETENGAH 1438H**

**BANDAR KETENGAH JAYA,  
KUALA TERENGGANU**

**20 JULAI 2017 (KHAMIS)  
WAKTU KETIBAAN : 10.00 PAGI**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis

Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh

Y Bhg Datuk Borhan Dolah

Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah;

Y Bhg Dato' Haji Din Adam

Ketua UMNO Bahagian Dungun merangkap Timbalan Pengerusi KETENGAH;

Y Bhg Tuan Haji Omar Ismail

Pengurus Besar KETENGAH;

1. Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin-Nya dapat saya hadir di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Wilayah KETENGAH 1438H pada hari ini. Saya ingin menyampaikan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak KETENGAH di atas kesudian menjemput saya ke majlis yang meriah ini.

2. Saya amat gembira kerana majlis ini mempunyai makna yang sangat besar kepada kita semua. Ia menjadi jambatan kepada kita untuk merapatkan lagi hubungan silaturrahim dan peluang untuk beramah mesra di mana pada hari-hari biasa kita semua agak sibuk dengan tugas masing-masing hingga menyempitkan peluang untuk kita berinteraksi sesama saudara mara, sahabat handai, jiran, rakan pejabat dan sebagainya.

3. Saya juga merasa bangga kerana dimaklumkan bahawa majlis ini telah dijayakan oleh KETENGAH dengan kerjasama FELDA sebagai agensi di Bandar Ketengah Jaya serta mendapat kerjasama erat daripada agensi-agensi di bawah KKLW sendiri seperti RISDA, MARA, FELCRA, KEMAS. Inilah satu contoh kerjasama strategik yang memungkinkan kita dapat melaksanakan sesuatu tugas dengan lebih berkesan dan lancar.

4. Saya merasa teruja kerana dapat bersama-sama dengan masyarakat peneroka FELDA yang telah memainkan peranan penting dalam menjayakan agenda pembangunan bidang pertanian negara khususnya dalam industri sawit.

5. Hari Raya bukanlah semata-mata hari kita bergembira sambil menikmati pelbagai juadah yang disediakan. Yang lebih utama daripada itu ialah ia juga menjadi wadah untuk menzahirkan kesyukuran kita di atas anugerah Allah SWT kepada kita semua melalui rezeki yang melimpah ruah, keamanan negara, kestabilan ekonomi dan politik dan sebagainya.

6. Justeru, sebagai rakyat yang mendapat faedah dan manfaat secara langsung daripada usaha-usaha pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan, sewajarnya kita memberikan sokongan yang padu kepada Kerajaan demi memastikan kelangsungan pembangunan dapat diteruskan tanpa sebarang masalah serta halangan.

7. Pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah terus komited dalam melaksanakan pembangunan luar bandar demi memastikan penduduk luar bandar terus menikmati kehidupan yang selesa dan standing dengan apa yang dinikmati di bandar.

8. Satu perkara asas yang diberi perhatian ialah perumahan untuk rakyat. Bagi membantu KETENGAH menyediakan perumahan yang bersesuaian kepada penduduk, KKLW telah meluluskan peruntukan untuk membina 200 buah Rumah Bina Negara atau lebih dikenali sebagai Rumah BN. Pihak KETENGAH akan mengagih-agihkan pembinaan rumah ini di perbandarannya mengikut keperluan, dengan bajet sebanyak RM7 juta.

9. Justeru, pada hari ini KETENGAH akan melancarkan cadangan pembinaan rumah RBN KETENGAH di Bandar Ketengah Jaya. Untuk projek ini sebanyak 43 buah rumah akan dibina untuk kemudahan penduduk di atas tanah seluas 14.05 ekar. Setiap satu dijangka berharga di antara RM75,000.00. InsyaAllah bilangan rumah-rumah ini akan ditambah lagi bagi memberikan manfaat kepada lebih ramai penduduk.

10. Sehubungan dengan itu juga saya ingin mengucapkan tahniah kepada 517 orang penduduk wilayah KETENGAH yang menerima suratan hak milik rumah masing-masing pada hari ini yang merupakan rumah-rumah yang telah dibina oleh KETENGAH. Saya berharap ia menjadi suatu faktor yang dapat meningkatkan lagi kesejahteraan hidup bagi penduduk di wilayah KETENGAH khususnya. Saya juga menyeru penduduk yang lain agar menyelesaikan bayaran rumah masing-masing agar proses pemberian hak milik dapat dilaksanakan untuk mereka juga.

11. Saya berbesar hati dengan langkah KETENGAH mewujudkan Tabung Amanah Masyarakat KETENGAH yang menerima sumbangan daripada syarikat-syarikat anaknya saban tahun di mana tabung ini telah digunakan bagi membantu penduduk miskin, orang kurang upaya, sakit melarat, anak yatim dan sebagainya. Sepanjang bulan Ramadan yang lalu KETENGAH telah mengagihkan bantuan kepada 2,174 penduduk dengan perbelanjaan sebanyak RM731,500.00. Pada hari juga seramai 76 orang anak yatim yang bersekolah rendah akan menerima sumbangan daripada Tabung ini iaitu sebanyak RM100 seorang melalui pembukaan akaun SSPN sebagai persediaan untuk pengajian mereka di masa hadapan. Saya

juga akan menyumbang sebanyak RM100 lagi bagi setiap orang pelajar ini sebagai sumbangan duit raya.

12. Saya berbesar hati dapat menyampaikan sumbangan daripada Kerajaan Negeri Terengganu kepada Pusat Rehabilitasi RTC Terengganu iaitu sebuah van berharga RM158,600.00 bagi membawa pesakit. Di samping itu KETENGAH pula menyumbangkan peralatan sokongan untuk dimanfaatkan oleh pesakit-pesakit di wilayah KETENGAH yang dirujuk kepada Pusat Rehabilitasi RTC ini. InsyaaAllah selepas ini saya akan melawat pesakit-pesakit ini di rumah masing-masing yang tinggal di sekitar Bandar Ketengah Jaya.

13. Pada hari ini juga pihak kontraktor akan menyerahkan bangunan kedai 2 tingkat di Bandar Ketengah Jaya yang dibina dengan kos RM2,355,622.10 ini kepada KETENGAH. Tingkat atas bangunan kedai ini dicadangkan dijadikan homestay dengan lapan bilik manakala tingkat bawah akan menempatkan dua ruang kedai. Bangunan kedai ini akan meningkatkan lagi aktiviti perniagaan dan ekonomi khususnya di Bandar Ketengah Jaya.

14. Segala pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan adalah bertujuan untuk memberi keselesaan kepada penduduk. Justeru penduduk mestilah memberi perhatian yang mendalam terhadap perpaduan dan hubungan baik pada setiap masa dengan menjauhi anasir-anasir negatif yang menggugat kemakmuran dan negara.

15. Akhirnya ucapan terima kasih kepada KETENGAH serta semua pihak yang terlibat menjayakan majlis ini. Marilah kita jadikan majlis kita hari ini sebagai satu titik tolak ke arah memperkukuhkan ukhuwah bagi membentuk sebuah negara Malaysia yang benar-benar bersatu padu. Semoga Allah SWT memberkati kita semua.

Sekian, terima kasih.